



#Penjarakanfizikal - Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan

tempoh tamat

65
Hari15
Jam29
Minit

ikuti Berita terkini Covid-19

[BOLA](#)
[RAKET](#)
[OLAHRAGA](#)
[LITAR](#)
[LAIN-LAIN \(SUKAN\)](#)

MOM yakin Sukan Olimpik ikut jadual

Januari 23, 2021 @ 7:26pm



Norza yakin Sukan Olimpik Tokyo 2020 tidak dibatalkan.

KUALA LUMPUR: Majlis Olimpik Malaysia (MOM) optimis temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020 akan tetap berlangsung dari 23 Julai hingga 8 Ogos depan.

Keyakinan itu hadir selepas mengadakan perbincangan menerusi maya bersama Presiden Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC), Thomas Bach dan Presiden Jawatankuasa Olimpik Jepun, Yamashita Yasuhiro, semalam.

Presiden MOM, Tan Sri Norza Zakaria berkata, kesediaan dan persiapan teliti yang dilakukan kerajaan Jepun meyakinkan pihaknya bahawa temasya itu tidak akan dibatalkan.

"Kami sentiasa bersama dengan IOC dan rakan sejawat kami dari Jepun dan berharap dapat turut serta dalam temasya itu," katanya dalam kenyataan hari ini.

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 16m [PKP: Perlu imbangi ekonomi dan kesihatan - Ismail Sabri](#)
- 22m [Tunjuk perasaan selepas Belanda umum perintah berkurung](#)
- 30m [Piala FA - United singkir Liverpool](#)
- 32m [Komander militan dibicara di Mahkamah Jenayah Antarabangsa](#)
- 52m [Keputusan Piala FA Inggeris](#)
- 1h [Masjid Ibrahim UK jadi bank makanan, urus jenazah](#)
- 8h [Ahmad Zahid persoal kewajaran kerajaan isytihar darurat](#)
- 9h [PKRC MAEPS mampu tampung pesakit gejala rendah](#)

DISYORKAN UNTUK ANDA

• [Nasihat Chong Wei](#)

- [Nasional Online Wei](#)
- [Atlet lega tarikh baharu Olimpik](#)
- [Olimpik Tokyo sedia terima kehadiran penonton](#)
- [MOM saran tangguh Olimpik Tokyo 2020](#)

Norza berkata, MOM juga sedang dalam perbincangan dengan IOC berhubung vaksinasi kontinjen negara ke temasya itu.

Beliau turut mengucapkan terima kasih atas kesediaan IOC menyokong pembabitan MOM dengan kerajaan Malaysia mengenai perkara berkenaan.

"Kami akan meneruskan perbincangan dengan Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Majlis Sukan Negara (MSN) dan Institut Sukan Negara (ISN) dalam memastikan semua atlet dan pegawai dapat menumpukan perhatian kepada latihan serta persiapan dalam suasana yang selamat," katanya.

Semalam, Perdana Menteri Jepun, Yoshihide Suga 'bertekad' untuk terus melangsungkan Olimpik Tokyo ketika penganjur menepis laporan media yang mendakwa ada pegawai tertinggi memikirkan bahawa pembatalan tidak dapat dielakkan berikutan pandemik COVID-19 belum reda.

Suga menegaskan bahawa temasya yang dijadualkan semula itu berada di landasan sebenar selepas The Times melaporkan sumber kerajaan yang tidak dinamakan, berkata Jepun sudah mula menukar fokus mereka kepada penganjuran 2032.

Malah, bekas Ketua Pengarah MSN, Datuk Seri Zolkples Embong menyifatkan pembatalan temasya itu jalan terbaik kerana membabitkan soal kehidupan, masa depan dan survival manusia bukan saja atlet tetapi pegawai, jurulatih, pentadbir sukan malah penonton.

TRENDING



NASIONAL 17 minit yang lepas

PKP: Perlu imbangi ekonomi dan kesihatan - Ismail Sabri



NASIONAL 10 jam yang lepas

Ahmad Zahid persoal kewajaran kerajaan isytihar darurat



SELEBRITI Jan 24, 2021 @ 3:00pm

Papa beri restu - Syafi Tee



SELEBRITI Jan 24, 2021 @ 1:00pm

Nina belum mahu pulang ke Malaysia



USAHAWAN Jan 23, 2021 @ 11:32am

Absolut Chocolat: Dari pondok rehat ke kilang

BERITA BERKAITAN





LAIN-LAIN (SUKAN) Jan 23, 2021 @ 1:53pm

Lebih baik Olimpik Tokyo dibatalkan - Zolkples



LAIN-LAIN (SUKAN) Mac 20, 2020 @ 11:00am

Malaysia sokong teruskan Olimpik



LAIN-LAIN (SUKAN) Jan 22, 2021 @ 11:51am

PM Jepun tekad teruskan Olimpik Tokyo



LAIN-LAIN (SUKAN) Mac 21, 2020 @ 8:09pm

Bukan masa kritik MOM - Norza

Disyorkan untuk anda

Stay Safe, Stay Home |



Thailand latest: Protesters rally to redistribute royal budget

Nikkei Asia



Sell your car in 24 hours, instant payment, no paperwork.

Carsome.my



Doctor: If You Have Tinnitus (Ear Ringing) Do This Immediately!

healths.vip



Tokyo's new see-through toilets aim to enhance public spaces

CNA



Japan police target about 30 people linked to huge...

Nikkei Asia



Doctors Baffled! Easy Way To improve Vision At Home! No...

healths.cafe



COVID-19 pushed aviation industry to brink of collapse. Is the...

CNA - In Conversation



Why Are People in Malaysia Snapping Up This \$69 Monocular

StarScope Monocular

[Watch More](#)



IKUTI KAMI DI:



BERITA

- [BHPLUS](#)
- [Nasional](#)
- [Kes](#)
- [Politik](#)
- [Pendidikan](#)
- [Wilayah](#)

SUKAN

- [DUNIA](#)
- [HIBURAN](#)
- [BISNES](#)
- [RENCANA](#)
- [WANITA](#)
- [HUJUNG MINGGU](#)

MULTIMEDIA

- [Foto](#)
- [BHTV](#)
- [Infografik](#)

LANGGAN

- [Akhbar Digital](#)
- [Akhbar BH](#)

PERKHIDMATAN

- [Iklan Web](#)
- [1Klassifieds](#)
- [NSTP KLIK](#)

